



KEMAHIRAN KOMUNIKASI LISAN BAHASA MELAYU
BERASASKAN PETA MINDA DALAM KALANGAN
MURID SEKOLAH RENDAH

CHEK NORILA BINTI MOHAMAD ZAIN



Disertasi ini dikemukakan bagi memenuhi syarat untuk memperoleh
Ijazah Sarjana Pendidikan Sekolah Rendah
(Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus).

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan penggunaan peta minda dalam kalangan murid Sekolah Rendah. Kemahiran komunikasi lisan adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan dan tahap penguasaan kemahiran kurikulum. Kajian ini menilai tentang keberkesanan, teknik dan kebolehan murid terhadap kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan penggunaan peta minda. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan bertujuan yang melibatkan temu bual terhadap enam orang guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah dalam daerah Hulu Selangor. Subjek kajian juga terdiri daripada 30 orang murid Tahun Lima yang terlibat dalam pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dijalankan. Borang senarai semak digunakan semasa pemerhatian dijalankan bagi mengenal pasti keberkesanan penggunaan peta minda. Data dianalisis dengan menggunakan analisis transkrip bagi menjelaskan secara terperinci tema-tema yang wujud. Tema-tema ini dikod bagi menjelaskan pencapaian murid terhadap kemahiran komunikasi lisan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan penggunaan peta minda. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap penguasaan kemahiran komunikasi lisan murid telah berubah daripada band 4 kepada band 5. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu telah meningkatkan tahap penguasaan kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid sekolah rendah. Impikasi kajian menunjukkan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.





THE EFFECTIVE COMMUNICATION SKILL IN THE PROCESS OF TEACHING AND LEARNING OF BAHASA MELAYU BY USING I"THINK FOR PUPILS IN PRIMARY SCHOOL

ABSTRACT

This research aims to identify the skill of verbal communication in the proses of teaching and learning of Bahasa Melayu by the using of mind maps. The communicate verbally skill is based on Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan and command level of curriculum skills. The study also evaluates the effectiveness of the techniques and abilities of pupils to communicate verbally by the use of mind maps in the process of teaching and learning of Bahasa Melayu. A qualitative methods with case study design was used in this research. The selection of research subjects have been chosen through purposive sampling technique at involving interviews with six Bahasa Melayu teachers in primary schools in the rural area of Hulu Selangor district. The subjects also made up of 30 pupils in Tahun Lima was involved in the current observation of teaching and learning the Bahasa Melayu is executed. Checklists been used during the observation concerning the effectiveness of the use of mind maps. Data were analyzed by using analysis of transcripts for explaining in detail the themes that exist. These themes are coded and described for explain pupils performance on verbal communication skills. The results showed the fact that there was an increase verbal communication skills in teaching and learning of Bahasa Melayu by the using of mind maps. The observation also showed that the level of verbal communication skills of pupils has changed from 4 to 5 bands. Conclusions from the observation showed that the use of mind maps in teaching and learning of Bahasa Melayu has increased the level of verbal communication skills among primary school pupils. The observation showed that the use of mind maps in teaching and learning of Bahasa Melayu interchangeable enhance the effectiveness of teaching and learning of Bahasa Melayu.



KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Keperluan Kemahiran Komunikasi Lisan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	4
1.2.2	Keperluan Peta Minda Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	10
1.3	Pernyataan Masalah	14
1.4	Objektif Kajian	18
1.5	Persoalan Kajian	19
1.6	Kepentingan Kajian	19
1.7	Kerangka Konseptual	20
1.8	Batasan Kajian	23

1.9	Definisi Operasional	23
1.9.1	Peta Minda	23
1.9.2	Komunikasi Lisan	24
1.9.3	Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan	25
1.9.4	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	25
1.10	Kesignifikanan Kajian	26
1.11	Kesimpulan	27

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Teori Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	29
2.2.1	Teori Kecerdasan Pelbagai Berasaskan Peta Minda	29
2.2.2	Teori Pembelajaran Konstruktivisme Berasaskan Peta Minda	33
2.3	Kajian-kajian di Malaysia	43
2.4	Kajian-kajian Luar Negara	54
2.5	Minat Belajar dan Penguasaan Kemahiran	59
2.6	Kesimpulan	63

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	65
3.2	Rekabentuk Kajian	65
3.3	Sampel Kajian	67
3.4	Instrumen Kajian	70

3.5	Teknik Pengumpulan Data	73
3.5.1	Temu Bual	73
3.5.2	Pemerhatian	75
3.5.3	Analisis Dokumen	76
3.6	Teknik Penganalisan Data	76
3.6.1	Penganalisan Data Temu Bual	71
3.6.2	Penganalisan Data Pemerhatian	78
3.6.3	Penganalisan Data Dokumen	78
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	79
3.7.1	Kajian Rintis	79
3.7.2	Kesan Pakar	80
3.7.3	Trigulasi Data	80
3.8	Kesimpulan	81

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	83
4.2	Demografi Responden	84
4.3	Penggunaan Peta Minda Berkesan Meningkatkan Komunikasi Lisan Terhadap Murid	85
4.3.1	Menunjukkan Minat Belajar	86
4.3.2	Memudahkan Penerangan dan Memberi Kefahaman	88
4.3.3	Penglibatan yang Aktif Dalam Aktiviti Pembelajaran	90
4.4	Penggunaan Peta Minda Memberi Ruang Untuk Murid Berkomunikasi Secara Lisan	93

4.4.1	Teknik Perbincangan dan Pembentangan Kumpulan	97
4.4.2	Teknik Bersoal-jawab dan Memberi Respons	99
4.5	Berkebolehan Menguasai Kemahiran Lisan	102
4.5.1	Berkebolehan Menyatakan Pendapat dan Idea Sendiri	102
4.5.2	Berkebolehan Menggunakan Bahasa yang Betul dan lancar	104
4.6	Kesimpulan	108

BAB 5: PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	109
5.2	Ringkasan Kajian	110
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	110
5.3.1	Kesan Penggunaan Peta Minda Terhadap Kemahiran Komunikasi Lisan	111
5.3.2	Teknik Penggunaan Peta Minda Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	115
5.3.3	Kebolehan Menguasai Kemahiran Komunikasi Lisan	118
5.4	Cadangan	120
5.5	Implikasi	121
5.6	Kesimpulan	123

BIBLIOGRAFI	124
--------------------	------------

LAMPIRAN	134
-----------------	------------

TRANSKRIP TEMU BUAL	153
----------------------------	------------



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL

MUKA SURAT

3.1	Pemilihan Sampel Kajian	68
4.1	Maklumat Responden Kajian	84
4.2	Rumusan Pandangan Guru Terhadap Kesan Penggunaan Peta Minda	92
4.3	Perbezaan Pengajaran dan Pembelajaran Yang Menggunakan Peta Minda	94
4.4	Rumusan Pandangan Guru Terhadap Teknik Penggunaan Peta Minda	101
4.5	Rumusan Pandangan Guru Terhadap Kebolehan Murid Menggunakan Peta Minda	105
4.6	Rumusan Analisis Dokumen (DSKP dan PBS) Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran	107



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH

MUKA SURAT

1.1	Kerangka Konseptual Kajian Berdasarkan Model Wilburschman III	22
2.1	Teori Pembelajaran Bloom	62
4.1	Perbezaan Pengajaran dan Pembelajaran Yang Menggunakan Peta Minda	96



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang perkara asas yang berkaitan kajian yang dijalankan. Perkara-perkara asas ini adalah seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual, batasan kajian, definisi operasional dan kesignifikanan. Perkara-perkara utama ini dibincangkan dengan terperinci untuk memperjelaskan tentang kajian yang dilaksanakan. Kemahiran komunikasi lisan berasaskan menggunakan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu merupakan matlamat dalam kajian ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini adalah berkenaan kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berasaskan penggunaan peta minda dalam kalangan murid sekolah rendah. Komunikasi lisan sangat penting dalam pendidikan dan dapat mencorakkan kehidupan semua orang. Kemahiran berkomunikasi mampu mempengaruhi struktur sosial dan kebudayaan terhadap sesebuah masyarakat dalam proses perhubungan (Abdullah, 2008). Pandangan daripada Wan Marzuki (2008) pula, bagi melahirkan satu bentuk komunikasi yang berkesan dan dapat diterima dengan baik semasa aktiviti pembelajaran berlangsung di dalam bilik darjah, murid dan guru hendaklah menunjukkan komunikasi yang baik supaya kedua-dua kumpulan yang terlibat dapat berkongsi segala pengalaman yang ada dalam diri mereka. Interaksi yang wujudnya dapat membentuk satu perkongsian ilmu dan pengalaman yang telah sedia ada dalam diri mereka. Perkongsian ini sudah tentu dapat memberikan faedah kepada guru dan murid dalam proses pembelajaran.

Pendidikan biasanya dikaitkan dengan proses menimba ilmu, penerapan nilai dan pengukuhan kemahiran melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan dikatakan sebagai nadi kepada pembangunan sesebuah negara dalam usaha memajukan masyarakat dan komuniti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008). Peranan yang dimainkan oleh bidang pendidikan sangat penting bagi melahirkan modal insan seimbang yang berupaya menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran. Hal ini adalah kerana hanya dengan pengetahuan dan kemahiran yang dapat melahirkan modal insan seimbang yang diharapkan dan mampu



memberi sumbangan kepada proses pembangunan negara yang lebih mampan (Abdullah, 2008).

Kurikulum Standard Sekolah Rendah menumpukan kepada kemahiran-kemahiran asas bahasa dan berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penggunaan kaedah, teknik serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran menjadi kriteria utama bagi merangsang dan menggalakkan keupayaan murid untuk berfikir secara kreatif dan kritis, di samping mahir berkomunikasi dengan persekitaran mereka (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Justeru, kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah sangat penting dan seharusnya diberi tumpuan bagi memenuhi matlamat pendidikan negara.



Bahasa merupakan alat perhubungan yang utama untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Dalam bidang pendidikan, bahasa lisan atau pertuturan digunakan sebagai medium utama untuk berhubung melalui komunikasi. Interaksi sosial merupakan komunikasi yang sangat berpengaruh semasa proses penyampaian ilmu di dalam bilik darjah. Hampir setiap hari guru akan berkomunikasi bersama murid bagi tujuan ini (Ahmad Kilani, 2001). Pendapat yang sama turut dinyatakan oleh Amir Sharifuddin (2011) dalam pandangannya, aspek yang paling penting dan perlu diberi perhatian oleh guru adalah kemahiran komunikasi lisan semasa menyampaikan sesuatu maklumat dan ilmu pengetahuan yang berguna. Hal ini kerana, mungkin akan berlaku kesalahfahaman dalam pentafsiran maklumat oleh penerima maklumat akibat daripada kesilapan penyampaian maklumat dalam sesuatu proses komunikasi. Bagi menangani masalah ini maka satu teknik atau pendekatan perlu diambil tindakan agar perkara



tersebut tidak terus berpanjangan. Pemahaman yang mendalam seharusnya diberikan agar konsep yang hendak disampaikan itu akan kekal dalam ingatan atau minda murid-murid. Guru hendaklah bijak menggunakan pelbagai kaedah atau teknik yang difikirkan sesuai untuk membantu melancarkan lagi proses membentuk pelajar yang cemerlang dan berketrampilan selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) menyatakan bahawa kemahiran komunikasi lisan merupakan kemahiran berbahasa yang perlu diberi perhatian terhadap murid-murid di sekolah rendah sebagai asas kepada pembentukan modal insan yang seimbang. Kemahiran komunikasi ini dapat menentukan kecemerlangan mereka dalam semua bidang pendidikan (Rujuk Lampiran A, DSKP BM Tahun 5).

1.2.1 Keperluan Kemahiran Komunikasi Lisan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Kemahiran komunikasi lisan merupakan suatu kemampuan untuk membina hubungan melalui interaksi dengan orang lain. Kemahiran komunikasi termasuklah kemahiran mendengar, berhujah, membaca, sopan dalam berbicara dan juga mempunyai hubungan dengan menggunakan sumber dan teknologi (Nussabaum, 2007). Kemahiran komunikasi lisan perlu dikuasai oleh setiap orang dan menjadi perkara penting untuk diberi perhatian sesuai dengan perkembangan arus globalisasi pada masa kini. Manakala Sulaiman Md.Yasin, Mohd Salleh Lebar & Azlina Abu Bakar (2010) pula berpendapat bahawa setiap orang tidak dapat mengelakkan diri dalam proses komunikasi lisan yang merupakan perkara asas dan menjadi tunjang utama dalam melakukan tugas harian. Mereka turut menegaskan, proses komunikasi

lisan sudah pasti akan berlaku sekiranya interaksi wujud di antara dua individu ketika berinteraksi tanpa dapat dielakkan.

Tay Meng Guat (2013) menyatakan, komunikasi lisan merupakan aspek yang paling penting dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap aktiviti yang wujud semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah akan melibatkan komunikasi lisan. Guru berkebolehan dan bertanggungjawab terhadap komunikasi yang berkesan serta perlu mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan bermakna. Pandangan yang sama turut diutarakan oleh Abdullah (2008), guru perlu berusaha untuk berlatih dan menguasai teknik atau kaedah komunikasi yang lebih sempurna bagi menjadikan sesuatu pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Penguasaan kemahiran komunikasi yang baik dapat menjadikan pengajaran guru lebih harmoni dan sistematik melalui penggunaan pelbagai bentuk komunikasi. Elemen ini sangat penting untuk pembangunan persekitaran yang lebih kondusif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Teven (2007) berpendapat bahawa komunikasi lisan yang berkesan dan tingkah laku yang sesuai dengan persekitaran pembelajaran turut memberi impak terhadap kepercayaan pelajar kepada gurunya. Oleh yang demikian, pelajar akan menunjukkan prestasi yang baik dalam sesuatu mata pelajaran. Hal ini menunjukkan kemahiran komunikasi yang dikuasai oleh guru mempunyai peranan yang kukuh dalam mempengaruhi sesuatu kejayaan dan peningkatan akademik seseorang pelajar. Peranan yang dimainkan oleh guru sangat penting dalam usaha membentuk dan mencorakkan pelajar dengan segala ilmu dan kemahiran yang diperlukan.



Samsuddin A. Rahim (2003) turut menyokong melalui kajiannya dengan menyatakan bahawa komunikasi di antara guru dengan pelajarnya merupakan satu proses dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa sesuatu komunikasi itu akan melengkap setiap elemen penting yang ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Komunikasi lisan hendaklah lebih berkesan untuk menyalurkan pengetahuan manakala pembelajaran memerlukan perbincangan dan perkongsian ilmu yang baik di antara guru dan murid bagi menjamin penguasaan kemahiran. Pemahaman pelajar terhadap sesuatu subjek perlu diutamakan bagi mencapai objektif pelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah banyak melibatkan komunikasi lisan. Menurut Barker (1992), dalam proses komunikasi lisan, seseorang guru perlu bertindak sebagai sumber utama pembelajaran dalam memindahkan sesuatu maklumat kepada pelajarnya. Hal ini menunjukkan bahawa proses komunikasi lisan merupakan salah satu proses penyampaian maklumat secara terancang. Pendapat oleh Sungging Handoko (2002) bahawa pelajar akan lebih cepat menguasai dan pasti terhadap ilmu yang disampaikan oleh guru sekiranya guru menggunakan bahasa atau perkataan yang jelas dan mudah. Selain itu, guru tidak boleh menggunakan bahasa yang kasar, kesat atau lucu terhadap pelajar mereka.

Mahzan (2013) pula berpendapat, guru-guru mestilah sedar akan tanggungjawab dalam melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu bagi memastikan keberkesanannya melalui pendekatan pengajaran komunikasi. Komunikasi lisan yang baik akan melahirkan murid yang dapat menguasai pelbagai kemahiran berbahasa yang berkesan. Pusat Perkembangan Kurikulum (2003), pelbagai kaedah diperkenalkan dalam usaha merangsang minat murid untuk belajar seterusnya menguasai kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi matlamat





pendidikan negara pada masa kini. Kemahiran komunikasi lisan adalah sumber utama yang penting dalam melengkapkan kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Guru mempunyai tanggungjawab yang besar dan semakin mencabar dalam membentuk generasi muda yang dapat memberi sumbangan dalam membangunkan masyarakat dan negara pada masa hadapan. Pendidikan kini lebih berfokus dan memberi tumpuan terhadap pembentukan individu yang menyeluruh dan bersepadu daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang berasaskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Membangunkan modal insan dengan memastikan generasi akan datang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi serta dapat menguasai kemahiran komunikasi lisan yang baik sebagai penyediaan tenaga dalam pelbagai bidang pekerjaan pada masa hadapan. Ini merupakan satu hasrat utama kerajaan dalam pembangunan negara (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006-2010).

Bagi merealisasikan pembangunan negara, fokus yang utama adalah melengkapkan para pelajar dengan segala kebolehan terutama berfikir secara kreatif dan kritis dan mampu bertindak dengan rasional serta mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Bagi mencapai hasrat tersebut, peranan guru adalah memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berjalan dengan berkesan dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan menguasai pelbagai kemahiran terutama berkomunikasi secara lisan dengan baik. Kenyataan ini turut disokong oleh Saedah Siraj dan Nurhayati Ishak (2006) dengan menyatakan secara amnya, tanggungjawab dan peranan guru yang utama adalah





melibatkan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran serta hubungan komunikasi antara guru dan murid menerusi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perkara ini akan mempengaruhi dan memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran guru.

Mok Soon Sang (2008) berpendapat bahawa komunikasi lisan paling banyak berlaku di sekolah terutamanya di dalam bilik darjah semasa guru melakukan proses pengajaran dan pembelajaran. Proses komunikasi dalam bilik darjah boleh berlaku secara lisan dan bukan lisan melalui penyampaian ilmu pengetahuan. Pembentukan sikap dan menerapkan kemahiran yang disalurkan untuk mendapatkan maklum balas yang positif daripada murid. Komunikasi lisan wujud apabila guru berinteraksi dengan murid semasa berbual, bertutur, memberi penjelasan, memberi pendapat, bertanya, menegur, menyuruh, menegah, mendenda dan sebagainya. Menurut Hurley (2008), kelemahan guru dalam berkomunikasi secara lisan dengan berkesan, boleh menyebabkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang akan gagal dan boleh membuatkan murid mengalami tekanan tidak menentu seperti tidak puas hati, kecewa dan hilang perasaan kasih sayang dan sebagainya. Abdul Rahman Abdul Aziz (2000) turut menyokong dengan mengatakan bahawa kelemahan atau kegagalan guru dalam berkomunikasi dengan murid secara berkesan adalah seperti bercakap kasar, suka memaki, menghina dan berleter berpanjangan dikatakan turut memberi kesan negatif terhadap sikap dan tindakan murid.

Guru perlu bijak untuk merancang pengajaran supaya suasana komunikasi antara guru dan murid berlangsung dalam suasana yang baik, secara harmonis, saling bantu membantu dan hormat menghormati agar tidak terjadi sebarang masalah atau konflik antara keduanya.





Manakala Mastura Badzis (2008) pula berpendapat, membudayakan ilmu dan kemahiran melalui pendidikan merupakan misi penting dalam mengubah pemikiran setiap pelajar untuk menjadi insan deduktif yang dinamik dalam semua aspek kehidupan. Kemahiran komunikasi lisan merupakan salah satu kemahiran yang harus dikuasai oleh setiap pelajar dan juga guru.

Guru dan juga pelajar tidak punya masa yang panjang untuk berfikir semasa melaksanakan rancangan pengajaran satu persatu seperti yang terdapat dalam buku panduan mengajar. Peranan guru penting bagi memastikan objektif pengajaran tercapai dengan jayanya melalui pelbagai kaedah yang dipilih terutama aspek komunikasi lisan (Nurul Salmi, 2014). Interaksi yang positif mampu menjamin kejayaan bukan sahaja kepada guru tetapi juga terhadap murid. Seandainya guru dapat mewujudkan komunikasi lisan yang berkesan, secara tidak langsung akan dapat mengesan permasalahan atau kelemahan yang dihadapi oleh setiap murid dan seterusnya berusaha untuk menangani masalah tersebut.

Amir Sharifuddin (2011) berpendapat, kesan daripada proses komunikasi yang baik akan melahirkan suasana kelas yang harmoni dan mampu memotivasikan pelajar supaya memperoleh prestasi cemerlang dalam akademik. Hal ini kerana, selain tugas utama guru untuk mengajar, guru juga mampu untuk mempengaruhi dan mendorong murid untuk belajar dengan tekun. Namun begitu, proses komunikasi lisan antara guru dan pelajar tidak seharusnya tertumpu dalam bentuk sehalu sahaja. Menurut Salleh dan Noah (2000), proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan seharusnya melibatkan proses komunikasi dua hala yang menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif dan sentiasa berfikir untuk





menyelesaikan masalah. Hal ini secara tidak langsung memberi petanda sama ada ilmu yang disampaikan oleh guru itu dapat diterima dan difahami oleh murid atau sebaliknya.

1.2.2 Keperluan Peta Minda Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Bagi menjamin keberkesanan sistem pendidikan agar lebih berkualiti, guru perlu prihatin terhadap cabaran kini dan masa hadapan. Ini penting sekiranya guru mahu melihat anak didiknya berjaya dalam pelajaran pada masa hadapan dan memenuhi impian Wawasan 2020. Sekiranya guru itu berkualiti dan kreatif dalam pengajarannya maka sudah tentu muridnya akan menjadi insan yang cemerlang dan berjaya seperti yang diharapkan. Guru yang berkualiti adalah guru yang sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan diri sendiri dan akan melihat di mana mereka berada dalam sistem pendidikan negara (Utusan Malaysia, 14 Mei 2012).

Guru adalah orang yang bertanggungjawab secara langsung dalam melaksanakan pelbagai teknik pengajaran bagi menjamin kualiti pendidikan negara dan memastikan matlamat pembelajaran dapat dikuasai sepenuhnya oleh murid. Oleh yang demikian, guru perlulah kreatif dan inovatif untuk memastikan intipati pengajaran melalui pembelajaran menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat murid untuk belajar seperti penggunaan peta minda dalam aktiviti yang dijalankan (Abdul Rahim, 2000). Aspek kualiti guru adalah penting dalam mempengaruhi minat belajar dan komitmen murid terhadap pelajaran serta berkebolehan mengubah sikap dan keupayaan murid terhadap sesuatu pelajaran (Salleh dan Hattie, 2003).





Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah memperkenalkan “Program I’Think” bagi menyediakan kemahiran kreatif dan kritis terhadap murid sekolah rendah dalam menguasai pelbagai ilmu. Lapan jenis peta minda yang diperkenalkan, iaitu Peta Bulatan, Peta Buih, Peta Buih Berganda, Peta Pokok, Peta Dakap, Peta Alir, Peta Pelbagai Alir dan Peta Titi. Penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran diharap mampu menggalakkan komunikasi lisan yang lebih berkesan di dalam bilik darjah.

Menurut Noorasmahwati (2008), pelajar akan lebih berkeyakinan dan berminat untuk belajar sekiranya sesuatu kemahiran dapat dikuasai dengan baik. Proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dengan menggunakan peta minda akan menjadikan pelajar lebih mudah faham apa yang ingin disampaikan oleh guru mereka. Penggunaan peta minda sebagai satu inisiatif atau teknik yang dapat membantu ke arah meningkatkan kemahiran komunikasi lisan pelajar. Sekiranya guru-guru menggunakan pelbagai teknik dalam pengajaran mereka, murid-murid juga turut menggunakan pelbagai kaedah atau cara dalam proses pembelajaran masing-masing, ini akan mewujudkan penambahbaikan dalam pengajaran yang dilaksanakan. Penambahbaikan ini adalah cara untuk memperbaiki kelemahan yang wujud supaya pembelajaran menjadi lebih baik bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut Mortimore (1993) Griffiths (2012), guru perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran bagi melahirkan pelajar yang bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka dan mampu menyelesaikan masalah melalui kemahiran komunikasi lisan yang berkesan.





Fenstermacher (2005) berpendapat, dalam bidang pendidikan, guru merupakan individu yang menyebarkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, guru hendaklah menguasai pelbagai kemahiran merangkumi kemahiran berinteraksi termasuk kemahiran komunikasi lisan. Penggunaan peta minda diharap dapat meningkatkan kemahiran komunikasi lisan seperti yang terkandung dalam objektif pembelajaran di dalam bilik darjah yang telah dirancang oleh guru. Melalui Program I'Think oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) yang bermatlamat meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah melahirkan murid yang dapat berfikir dengan kreatif dan kritis serta inovatif. Program ini tidak lain bertujuan melahirkan modal insan yang seimbang pada masa hadapan yang dapat menguasai pelbagai kemahiran. Selain itu, penggunaan peta minda yang diperkenalkan melalui program ini mampu meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid sekolah rendah. Penggunaan peta minda dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah merupakan salah satu inisiatif yang akan membantu meningkatkan kemahiran komunikasi lisan mereka untuk mencapai prestasi yang lebih baik.

Yahya Othman (2012) berpendapat, bagi membentuk murid-murid yang berkeyakinan tinggi dan mampu tampil dalam memberikan pandangan serta dapat mengeluarkan idea-idea bernas, penggunaan peta minda ini sangat baik dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Guru perlu bijak dalam memainkan peranan untuk menarik minat murid belajar melalui perkongsian ilmu. Peta minda mampu merangsang minat murid untuk mengeluarkan pendapat dan pengetahuan sedia ada mereka melalui penyampaian yang kreatif serta ringkas. Guru sebagai medium penyampai ilmu berpeluang menggunakan peta minda ini





sebaik mungkin bagi meningkatkan kemahiran komunikasi lisan untuk memberi kefahaman kepada murid tentang isi pelajaran dan sebagai pengukuhan konsep.

Pembelajaran Alaf ke-21 menuntut pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan kritis, inovatif serta bersifat autentik, bukan sahaja cemerlang dalam akademi tetapi juga mampu mengutarakan pendapat yang bernas bagi penyelesaian masalah. Kemahiran komunikasi sangat diperlukan untuk menguasai pelbagai kemahiran dan ilmu. Penggunaan peta minda dalam pembelajaran mampu memberi perubahan terhadap kemahiran komunikasi murid-murid dan memberi banyak kelebihan seperti pembelajaran yang menyeronokkan, aktif, berkeyakinan, berfokus, hubungan yang rapat dan kemahiran menaakul.



Buzan (2008) menyatakan bahawa peta minda atau *mind mapping* adalah cara mudah untuk merangsang maklumat dari dalam dan luar otak. Dengan menggunakan peta minda, sistem bekerja otak diatur secara praktikal. Penggunaan peta minda membuatkan otak manusia meneroka dengan baik dan bekerja sesuai dengan fungsinya dalam menterjemahkan maklumat. Penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menggabungkan proses kognitif dengan maklumat dalam bentuk visual. KPM (2013), peta minda bukanlah suatu kurikulum tetapi adalah bahan berfikir yang digunakan bagi membantu guru menyampaikan kurikulum sedia ada dalam bentuk yang lebih bermakna dan menarik bagi membekalkan murid-murid dengan pelbagai kemahiran yang baik.

Diharap melalui kajian ini dapat meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Komunikasi lisan yang





berkesan berdasarkan standard pembelajaran Bahasa Melayu iaitu bertutur, berbual, bercerita, berbicara, menyatakan pendapat dan berbincang. Penggunaan peta minda dalam pengajaran guru juga diharap dapat dipertingkatkan agar kemahiran komunikasi lisan dapat dikuasai dengan baik oleh murid-murid bagi melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya mencapai objektif yang diinginkan. Di peringkat jabatan dan Kementerian Pendidikan Malaysia juga diharapkan agar dapatan kajian ini mampu dijadikan panduan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan peta minda bagi memantapkan lagi kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru dan murid-murid di sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah



Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) telah melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang mana salah satu daripada enam agenda utama dalam pelan tersebut adalah setiap murid perlu untuk bersaing pada peringkat global melalui kemahiran berfikir aras tinggi. *Program Innovative Thinking (i-THINK)* adalah untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah melahirkan murid yang berfikiran kreatif, kritis serta inovatif. Dalam Program tersebut, peta minda diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif yang berperanan untuk menggalakkan murid-murid menjanakan idea melalui pemikiran yang kritis dan kreatif. Peta minda adalah grafik yang menggabungkan proses kognitif dalam pembelajaran dengan maklumat dalam bentuk visual. Kemahiran menggunakan peta minda akan memudahkan penyampaian isi pelajaran dengan berkesan melalui kemahiran komunikasi lisan terhadap murid-murid sekolah





rendah. Menurut Mohd Khairuddin Ahmad, Khalid Hj Johari dan Halimah Laji (2011), proses pengajaran dan pembelajaran adalah aktiviti yang banyak melibatkan kemahiran komunikasi lisan terutamanya antara guru dengan murid. Penggunaan kaedah komunikasi lisan yang baik perlu bagi memastikan objektif pengajaran tercapai, selain berlakunya perubahan tingkah laku, pemikiran dan prestasi terhadap murid khususnya ketika berada di dalam bilik darjah. Bagi memastikan tujuan ini tercapai, guru seharusnya memberi perhatian kepada beberapa perkara penambahbaikan penguasaan komunikasi lisan yang baik, antaranya adalah meningkatkan kebolehan guru sebagai punca sumber, amalan komunikasi lisan yang berkesan, amalan komunikasi bukan lisan yang sesuai dan mengawal halangan dalam komunikasi.



Hal yang demikian telah menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian bagi mendapatkan maklumat tentang keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terhadap kemahiran komunikasi lisan bagi murid sekolah rendah. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Laura (2011), penggunaan peta pemikiran telah berjaya meningkatkan kebolehan pelajar dalam membuat perbandingan sebanyak 69% maklumat yang diperolehi. Beliau juga menyatakan bahawa peta pemikiran telah dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Morgan-Janes (2009) mendapati bahawa peta pemikiran salah satu bahan yang sangat berguna untuk meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran. Manakala Rohaida Yusop (2015) juga telah menjalankan kajian tentang keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan prestasi penulisan Bahasa Melayu murid Tahun 6. Memandangkan belum terdapat kajian tentang penggunaan peta minda terhadap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid sekolah rendah, maka kajian ini dijalankan. Kajian ini untuk melihat





penggunaan peta minda dalam mempengaruhi kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, memandangkan kemahiran komunikasi lisan merupakan salah satu penilaian penting dalam menilai tahap penguasaan murid melalui Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS).

Khairul Anuar A.Rahman (2013) menyatakan bahawa kesukaran dalam menguasai kemahiran komunikasi lisan akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap pembelajaran di dalam bilik darjah. Kelemahan penguasaan komunikasi lisan guru terhadap murid akan menjejaskan pencapaian murid dalam pelajaran kerana komunikasi lisan adalah asas utama untuk mempelajari segala bidang ilmu pengetahuan dan menjadi tunjang dalam bidang pendidikan. Fungsi asas komunikasi lisan adalah sebagai perantaraan dalam keperluan hidup yang utama. Berdasarkan kenyataan ini, dapatlah disimpulkan antara masalah yang dikenal pasti wujud kesan daripada kelemahan dalam kemahiran komunikasi lisan murid adalah masalah menyampaikan mesej dan masalah menjelaskan sesuatu fakta tentang konsep dan isi pelajaran.

Martin dan Miller (1996) menyatakan bahawa ciri-ciri masalah bahasa dan komunikasi adalah ketidakmampuan individu itu untuk menguasai kemahiran interaksi yang mengandungi lima aspek utama bahasa iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pramatik. Kepentingan komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian. Menurut Mahzan (2013), kemahiran komunikasi lisan diibaratkan sebagai nadi kepada pengajaran dan pembelajaran kerana tanpa kemahiran komunikasi lisan yang berkesan





akan menyebabkan proses pembelajaran tidak dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Ini boleh mengganggu pencapaian objektif sesuatu pelajaran yang telah ditetapkan oleh guru.

Gangguan kepada kelancaran pengajaran dan pembelajaran akan berlaku sekiranya komunikasi yang berkesan tidak wujud antara guru dan murid. Pengajaran dan pembelajaran jadi kurang menarik jika tiada komunikasi yang terjalin di antara dua pihak iaitu guru dan murid. Kajian yang dilakukan oleh Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman (2009) mendapati masih terdapat pelajar yang menghadapi masalah menyebut sesuatu perkataan dengan tepat. Kelancaran dalam pengajaran guru juga terbatas kepada penggunaan buku teks, intonasi suara yang mendatar dan kurang menarik. Di samping itu, guru juga kurang memberi penghargaan dan galakan secara lisan dan bukan lisan kepada murid. Hal ini menyebabkan penguasaan kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid-murid masih berada pada tahap yang sederhana. Oleh yang demikian, guru seharusnya tidak hanya bergantung kepada buku teks dan perlu berusaha mempelbagaikan teknik penyampaian ilmu di dalam bilik darjah agar proses pengajaran lebih berkesan.

Penggunaan peta minda yang disarankan seharusnya mampu memperjelaskan segala maklumat yang diperlukan oleh murid serta dapat meningkatkan kemahiran lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (KPM, 2013). Guru sepatutnya perlu lebih kreatif dan inovatif bagi melahirkan komunikasi lisan yang berkesan dalam mewujudkan pembelajaran yang aktif bagi menarik perhatian murid untuk belajar. Ismail Zain (2009) berpendapat, guru juga perlu lebih peka dalam menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku dengan sabar, cekal dan berfikiran terbuka bagi menangani sebarang masalah yang





wujud di dalam bilik darjah. Hal ini kerana, biasanya interaksi antara guru dan murid berlaku secara spontan sesuai dengan tempoh masa yang terhad di dalam bilik darjah.

Penyelidik berusaha untuk mengenal pasti sejauh mana pembelajaran kreatif dan kritis dengan menggunakan peta minda mampu meningkatkan kemahiran komunikasi lisan yang baik terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah rendah dan seterusnya berusaha meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dua hala dalam situasi pembelajaran yang terancang. KPM (2013) telah menggariskan beberapa proses pemikiran dalam penggunaan peta minda iaitu mendefinisikan mengikut konteks, menerangkan kualiti, membanding beza, membuat pengelasan, membuat urutan, menghubungkait, menyatakan sebab dan akibat dan membuat analogi.



1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk ;

- i) Mengenal pasti keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terhadap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid sekolah rendah.
- ii) Menjelaskan teknik penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terhadap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid sekolah rendah.





- iii) Mengenal pasti kebolehan murid berkomunikasi secara lisan dalam pembelajaran Bahasa Melayu terhadap isi pelajaran berasaskan penggunaan peta minda.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini bagi menjawab persoalan seperti ;

- i) Adakah penggunaan peta minda memberi kesan terhadap penguasaan kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah ?
- ii) Apakah teknik penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terhadap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid di dalam bilik darjah?
- iii) Adakah murid boleh berkomunikasi secara lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terhadap isi pelajaran berasaskan penggunaan peta minda?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi maklumat serta menambah baik pembelajaran di dalam bilik darjah secara berterusan terhadap amalan guru menggunakan peta minda secara berkesan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat digeneralisasikan kepada semua guru yang menghadapi masalah komunikasi lisan terhadap murid. Menurut Abdul Aziz Yusof (2003),





komunikasi lisan berkaitan dengan penyampaian idea, pandangan dan perasaan kepada orang lain. Tanpa wujudnya komunikasi, sesuatu maklumat tidak dapat disampaikan oleh seseorang kepada pihak yang lain. Manusia berkomunikasi kerana ingin mempengaruhi pemahaman, sikap dan tindakan kepada orang lain sama ada mereka bersetuju atau sebaliknya berkenaan sesuatu perkara sebagaimana yang diinginkan.

Kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada sekolah terutama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berkaitan kemahiran komunikasi lisan melalui pembelajaran secara kreatif dan kritis. Kemahiran komunikasi lisan ini merupakan asas penting bukan sahaja untuk subjek bahasa, malahan semua subjek yang lain sebagai asas kemahiran berbahasa dan komunikasi dalam kalangan murid dan guru. Melalui matlamat ini, diharap penyelidikan ini nanti akan dapat melonjak prestasi murid yang berada pada tahap baik ke tahap cemerlang apabila kemahiran berkomunikasi lisan dapat digunakan sebaiknya oleh guru untuk memberi kefahaman kepada murid. Mohd Mahzan Awang (2014) berpendapat proses komunikasi lisan akan terjadi pada bila-bila masa sahaja, tanpa mengira masa, tempat dan tidak dapat dielakkan oleh mana-mana individu. Manusia akan sentiasa berkomunikasi secara lisan dalam kehidupan seharian sama ada sesama manusia termasuk dengan tuhan nya sendiri.

1.7 Kerangka Konseptual

Kajian ini menggunakan kerangka konseptual yang menunjukkan penggunaan peta minda mempunyai hubungan yang jelas terhadap kesan, teknik dan kebolehan murid yang dapat






meningkatkan kemahiran komunikasi lisan. Perkaitan ini saling berhubung rapat dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran. Kesan merujuk kepada semangat murid untuk belajar dan menimba pengetahuan dalam suasana yang selesa. Teknik pula merujuk kepada kaedah dan cara yang digunakan oleh guru bagi mencapai matlamat pendidikan. Manakala kebolehan adalah berhubung dengan segala kemahiran yang ingin diterapkan kepada murid. Pengukuhan konsep berkaitan segala isi pelajaran yang hendak disampaikan oleh guru dalam pengajarannya bakal diperoleh murid melalui penggunaan peta minda dan akan kekal dalam minda murid.

Kajian ini berasaskan kepada model komunikasi oleh Wilbur Schramm III (1997) yang menjelaskan bahawa proses komunikasi bermula dengan rangsangan sebagai sumber, kemudian dienkod untuk ditafsir dan diikuti dengan menghantar mesej dalam bentuk isyarat. Selepas mesej diterima untuk didekod dan disalurkan ke destinasi. Dalam kajian ini, rangsangan yang diberi tumpuan adalah penggunaan peta minda dan destinasi yang akan menjadi matlamat dan objektif adalah kemahiran komunikasi lisan terhadap murid-murid di sekolah rendah.

Model ini sesuai dengan objektif kajian yang ingin melihat kesan rangsangan yang digunakan terhadap kemahiran yang akan dikuasai. Hasil penggunaan peta minda di harap mampu menarik minat, merancang strategi pembelajaran yang berkesan, pengukuhan konsep ilmu dan penerapan nilai positif dapat meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid-murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Justeru, matlamat untuk menyediakan kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan



pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah boleh dilakukan dengan menggunakan peta minda untuk mencapai Standard Pembelajaran Bahasa Melayu seperti bertutur, berbual, bercerita, berbicara, memberi pendapat dan berbincang. Kerangka konseptual berkaitan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berasaskan peta minda yang ditunjukkan seperti Rajah 1.1.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian Berdasarkan Model Wilbur Schman III



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kes yang melibatkan guru-guru di sekolah rendah dalam daerah Hulu Selangor. Penyelidikan hanya terbatas dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sahaja. Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Seri Fajar dan Sekolah Kebangsaan Sungai Tengi. Enam orang guru yang terlibat sebagai responden untuk ditemu bual. Tiga orang guru yang mengajar Bahasa Melayu telah dipilih di setiap sekolah untuk ditemu bual. Penyelidik menjalankan kajian terhadap penggunaan peta minda oleh guru-guru ini dalam sesi pengajarannya dan melihat kesan terhadap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid. Murid yang terlibat dalam kajian ini ialah murid-murid Tahun Lima.



1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, definisi operasional yang sesuai dinyatakan terhadap perkara-perkara asas yang diberi perhatian.

1.9.1 Peta Minda

Peta bermaksud lukisan (gambar) yang menunjukkan kedudukan. Minda pula merujuk kepada akal fikiran, daya berfikir yang disuburkan dengan ilmu pengetahuan yang banyak (Kamus Dewan Edisi Empat, 2005). Penggunaan peta minda yang akan dikaji adalah melibatkan lapan jenis peta minda yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui



Program I'Think. Peta minda ini ialah Peta Bulatan, Peta Buih, Peta Buih Berganda, Peta Dakap, Peta Alir, Peta Pelbagai Alir, Peta Pokok dan Peta Titi. Peta minda ini akan digunakan dalam sesi pedagogi guru bagi meningkatkan kemahiran-kemahiran pembelajaran yang diperlukan. Pengkaji akan melihat sejauh mana penggunaan peta minda tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan lagi kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid sekolah rendah. Tony Buzen (2006) berpendapat secara nyata peta minda merupakan penggunaan grafik. Kata kunci dalam peta minda dihasilkan dalam bentuk gambaran atau pola kerana otak manusia lebih mudah menerima rangsangan yang berbentuk pola.

1.9.2 Komunikasi Lisan

Komunikasi bermaksud perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio atau telefon. Manakala lisan pula bermaksud sesuatu yang diucapkan bukan ditulis (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Kemahiran komunikasi lisan ini merujuk kepada kemahiran guru menggunakan suara dan bahasa lisan untuk berinteraksi bagi menyampaikan serta menjelaskan isi pelajaran supaya murid boleh menguasai standard pembelajaran yang telah dirancang. Komunikasi lisan yang dikaji adalah kemahiran komunikasi lisan (bahasa) guru yang lancar, tepat dan dapat difahami oleh murid serta murid dapat memberi maklum balas berdasarkan kemahiran lisan yang terdapat dalam Kurikulum Standard Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2011) iaitu bertutur, berbual, bercerita, berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila.

1.9.3 Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan (DSKP)

Dokumen Standard Kurikulum Pendidikan merupakan satu pernyataan standard tentang sukatan pelajaran yang terkandung di dalamnya standard kandungan dan standard pembelajaran yang murid patut tahu dan boleh buat seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. DSKP ini terkandung pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu dikuasai oleh murid. Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran asas dalam standard pembelajaran. Objektif kemahiran mendengar dan bertutur adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan untuk berkomunikasi secara lisan dengan baik. Kemahiran mendengar dan bertutur ini dinyatakan dalam DSKP melalui Standard Kandungan yang pertama. Terdapat tujuh Standard Kandungan yang memperincikan kemahiran mendengar dan bertutur. (Rujuk Lampiran A, DSKP Bahasa Melayu Tahun 5)

1.9.4 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan satu penilaian yang dijalankan untuk menilai pencapaian murid terhadap kemahiran lisan dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Pentaksiran ini dilakukan sebanyak dua kali setahun bagi menentukan Tahap Penguasaan murid terhadap kemahiran komunikasi lisan. Murid akan diberi Tahap 1 hingga 6 berdasarkan kebolehan mereka menguasai kemahiran komunikasi lisan. Tahap Penguasaan yang telah ditetapkan dalam Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu adalah 1 untuk sangat terhad, 2 untuk terhad, 3 untuk memuaskan, 4 untuk baik, 5 untuk sangat baik dan 6 untuk cemerlang. (Rujuk Lampiran B, Tahap Penguasaan PBS Tahun 5).



1.10 Kesignifikanan Kajian

Dapatan kajian ini diharap dapat dikongsi bersama semua guru-guru di sekolah rendah sebagai maklumat tentang kepentingan penggunaan peta minda untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terhadap murid-murid. Diharap dapatan kajian ini juga dapat membantu Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka program-program bagi memberi pendedahan kepada guru-guru untuk meningkatkan kemahiran komunikasi melalui penggunaan peta minda. Dapatan kajian ini boleh digeneralisasikan dalam semua mata pelajaran di sekolah rendah. Peningkatan kemahiran murid dalam pembelajaran di dalam bilik darjah khususnya dalam kemahiran berfikir aras tinggi dapat direalisasikan.



Penambahbaikan pedagogi guru juga diharap lebih berkesan. Profesionalisme keguruan dapat dipertingkatkan bagi menambah pengetahuan, membuat keputusan pengajaran serta menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, kreatif dan inovatif, di samping mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Matlamat KPM untuk melahirkan pelajar yang mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga dapat diterapkan melalui penggunaan peta minda yang efektif. Amalan pembelajaran kreatif ini juga sangat membantu kelancaran pengajaran guru secara berterusan di dalam bilik darjah. Justeru itu, usaha yang gigih daripada para guru sangat diperlukan untuk memastikan penggunaan peta minda dalam pengajaran dipraktikkan untuk melahirkan murid yang berketrampilan, berilmu dan cemerlang untuk modal insan yang menjadi inspirasi pada masa hadapan.





1.11 Kesimpulan

Kajian ini diharap dapat memberi informasi baharu terhadap isu berkaitan rasional penggunaan peta minda dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran terutama kemahiran komunikasi lisan. Berdasarkan maklumat yang telah dinyatakan dalam bab ini yang terkandung dalam pengenalan, pernyataan masalah, kepentingan kajian, tujuan dan objektif kajian diharap dapat memberi maklumat dan menjadi panduan guru serta dapat menambah baik amalan pedagogi guru untuk meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan murid di dalam bilik darjah. Melalui kemahiran komunikasi lisan, pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik dan penguasaan ilmu juga turut dapat dipertingkatkan seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan berketrampilan. Penguasaan kemahiran komunikasi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu akan menjadikan murid lebih berminat untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.

